

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (6)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 3 TAHUN 2020**

Tarikh : 8 Mei 2020 (Jumaat)
Masa : 10.00 Pagi – 11.44 Pagi
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. **DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. **TAKLIMAT BERKAITAN COVID-19**

2.1 Taklimat berkaitan Covid-19 di kawasan MBPJ merangkumi perancangan dan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak majlis berdasarkan kepada bidangkuasa sedia ada telah disampaikan oleh Encik Mohd Fauzi bin Maarop, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan yang mengambil masa selama 52 minit.

3. **PERUTUSAN Pengerusi**

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan salam dan selamat pagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke Mesyuarat Majlis bilangan 3 Tahun 2020 setelah 52 hari Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan Malaysia. Pada 4hb. Mei kita semua telah dilepaskan untuk bekerja akan tetapi masih di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Walau bagaimanapun sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Majlis telah mengadakan mesyuarat secara berkala bersama pegawai terlibat. Majlis masih belum beroperasi 100% memandangkan kehadiran kakitangan adalah terhad dan mengikut giliran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

1/14

Walau bagaimanapun semua perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis telah beroperasi seperti biasa.

3.1 Ucapan penghargaan dan terima kasih

YBhg. Datuk Pengerusi menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada barisan hadapan MBPJ yang berusaha untuk membasmi penularan wabak Covid-19 terutama kepada anggota penguatkuasa dan anggota Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran yang bertugas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020. Penambahan anggota dari masa ke semasa bagi membantu IPD Petaling Jaya.

YBhg. Datuk Pengerusi turut mengucapkan terima kasih kepada semua penduduk Petaling Jaya kerana sentiasa patuh kepada Arahan Perintah Kawalan Pergerakan. Selain daripada itu ucapan terima kasih kepada Ahli Majlis dan semua warga kerja MBPJ yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menangani penularan wabak Covid-19.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kerjasama dan sokongan terbaik IPD Petaling di dalam usaha majlis untuk menangani wabak Covid-19.

3.2 Program di bawah PJ City Food Bank

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menggerakkan usaha murni Misi Bantuan Covid-19 di bawah PJ City Food Bank. Majlis sangat peka dan prihatin terhadap isu dan masalah yang dihadapi oleh golongan terpinggir dalam mendapatkan sumber makanan asas terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Misi bantuan ini memperlihatkan kakitangan dari Jabatan Perancangan Pembangunan dengan bantuan Jabatan Penguatkuasaan dan pasukan RELA berganding bahu untuk mengagihkan keperluan barangan asas kepada penduduk miskin di seluruh bandar raya Petaling Jaya.

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada lebih 50 syarikat korporat dan syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan dan perusahaan yang telah menyumbang barangan keperluan asas dan wang untuk menyokong usaha di atas. Sehingga kini sebanyak 506 buah keluarga miskin di seluruh Petaling Jaya telah mendapat bantuan tersebut.

Pemilihan keluarga adalah berdasarkan pendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan dan keutamaan diberikan kepada keluarga yang mempunyai ramai tanggungan dan tidak mempunyai pendapatan sepanjang tempoh PKP.

3.3 PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) SELANGOR

Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak terkecuali mengamalkan budaya kerja norma baharu pasca Covid-19 dalam menawarkan perkhidmatan dengan memperkenalkan Prosedur Standard (SOP) yang perlu diadaptasi oleh semua kakitangan, pelanggan, pemegang taruh serta masyarakat yang akan berurusan dengan Majlis kelak.

Selain kerap membasuh tangan, penjarakan sosial serta penggunaan penutup hidung dan mulut, budaya norma baharu juga akan menjadikan masyarakat bertindak dengan bijak dan komprehensif selain mempraktikkan tatacara kehidupan dan idea kerja yang baharu bagi menghadapi persekitaran kerja yang kompleks dan sentiasa berubah.

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Inisiatif SELangkah: Langkah Masuk Dengan Selamat. Pengenalan inisiatif ini adalah bagi memperkukuh kesiapsiagaan entiti perniagaan dan melengkapi ikhtiar Penjejakan Kontak (Contact Tracing) oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), melalui sistem pendaftaran keluar-masuk di premis-premis kerajaan, perniagaan dan individu melalui 'System QR Code'. Sehubungan dengan itu, beliau memaklumkan semua wargakerja MBPJ dan pelawat hendaklah memuat turun aplikasi 'QR Code' dan mengimbas 'QR Code' untuk memasuki bangunan Majlis termasuk bilik-bilik mesyuarat.

Konsep inisiatif SELangkah – Langkah Masuk Dengan Selamat – adalah untuk mengautomasi pendaftaran individu yang memasuki sesuatu premis, dengan mudah dan pantas. Inisiatif ini mempunyai 3 objektif iaitu Melindungi Premis Perniagaan, Melindungi Pelanggan dan Membantu Pasukan Barisan Hadapan.

Inisiatif SELangkah ini, sebagai kaedah bagi kawalan wabak Covid-19. Dengan SELangkah, kaedah penggunaan buku pendaftaran manual ini diubah kepada automatik, sekaligus meningkatkan kepantasan, dan kecekapan pendaftaran pengunjung di premis-premis awam dan perniagaan. Inisiatif SELangkah ini juga dapat membentuk norma baharu bagi kegiatan ekonomi.

Majlis sangat berharap kerjasama sepenuhnya dari semua wargakerja Majlis, pelanggan dan masyarakat Petaling Jaya mematuhi Prosedur Standard Amalan Penjarakan Sosial ('SOP Social Distancing') sebagai panduan berurusan dengan Majlis bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Pengenalan SOP ini juga selari dengan langkah dan hasrat Kerajaan Negeri dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan pemegang taruh dan pada masa yang sama, sentiasa berhati-hati dan berwaspada tentang ancaman wabak pandemik ini.

Bagi mempertingkatkan sistem perkhidmatan, Majlis telah meningkatkan kaedah berurusan dalam talian melalui laman web www.mbpj.gov.my bagi perkhidmatan-perkhidmatan dan pembayaran yang tidak memerlukan pelanggan/pemegang taruh untuk hadir ke kaunter untuk berurusan.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 2 TAHUN 2020 (PENGGAL 2018/2020).

4.1 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 2 Tahun 2020 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 26 Februari 2020 disahkan tanpa pindaan.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 2 TAHUN 2020 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 FEBRUARI 2020.

Tiada.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 9 MAC 2020 DAN 20 APRIL 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (121))
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (123))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, MBPJ.

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 11 MAC 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (26))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 11 MAC 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (68))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pindaan ejaan nama bagi perkara 3 (maklumbalas) iaitu Encik Zamri.

Pindaan bagi perkara 7.4.2 i. perenggan tiga di muka surat 11 iaitu:

pemasangan `water cooler' sebagaimana yang telah diputuskan di dalam mesyuarat lepas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 12 MAC 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (41))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.

6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 13 MAC 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (63))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah, (Sumber Manusia), MBPJ.

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 13 MAC 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (38))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut dengan tambahan ayat bagi perkara 7.1.1 i) di muka surat 30 seperti berikut:-

YBhg. Datuk Pengerusi meminta untuk Jabatan untuk 'follow-up' perkara ini dengan pihak LLM.

Penolong Pengarah (Jalan) 1 menyatakan bahawa beliau telah membuat susulan kepada pihak LLM dan mereka memaklumkan bahawa telah menghantar surat tersebut tetapi di dalam semakan Jabatan masih belum menerima. Beliau akan membuat semakan semula.

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa pihak LLM ingin menolak cadangan tersebut dan beliau meminta untuk pihak LLM menulis surat untuk menyatakan penolakan tersebut.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 16 MAC 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (39))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN SR N.K. THAYALAN A/L KRISHNASAMY**

Beliau ingin membangkitkan dua (2) perkara iaitu:

7.1.1 Norma Baru Covid-19

Beliau memaklumkan bahawa banyak perkara atau maklumat baru yang telah disediakan oleh majlis tidak dimaklumkan kepada Ahli Majlis. Pengetahuan maklumat-maklumat yang tepat dan perlu dapat disebarkan oleh Ahli Majlis kepada penduduk. Sehubungan dengan itu, beliau memohon agar Majlis menyalurkan maklumat terutama berkaitan norma baru kepada Ahli Majlis untuk tindakan selanjutnya.

7.1.2 Pasar Jalan Othman

Beliau memaklumkan bahawa ini adalah masa terbaik untuk menyusun atur dan membuat penyelenggaraan semula Pasar Jalan Othman terutama sekali dari segi memperbaiki saluran longkang dan tempat pembuangan sampah serta tempat penyembelihan ayam. Ini kerana keadaan pasar yang tidak terurus, saluran pecah, kotor yang menyebabkan terlalu banyak tikus. Beliau memohon perhatian Majlis memandangkan kebimbangan kes penyebaran wabak Covid-19 adalah berpunca daripada pasar awam dan wabak boleh bermula dimana-mana pasar yang kurang kawalan kesihatan dan pembersihan. Beliau memohon agar Majlis menaiktaraf pasar walaupun akan mengambil masa dan berharap agar peruntukan khas dan perancangan terhadap kerja-kerja tersebut dimulakan dari sekarang.

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa buat masa sekarang tindakan fizikal ke atas pasar tersebut tidak sesuai memandangkan ia akan mengambil tempoh yang panjang. Apa yang perlu difikirkan dan diambil tindakan segera adalah keadaan semasa yang berlaku di pasar tersebut di mana peniaga menyewakan tapak peniaga kepada bangsa asing dan tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Majlis. Sepatutnya peniaga yang memohon tapak berniaga hendaklah berniaga sendiri dan bukan mengambil jalan mudah dengan menyewakan tapak kepada orang lain terutama bangsa asing. Terdapat warganegara kita yang memohon untuk berniaga akan tetapi tidak

dapat dipertimbangkan memandangkan tempat telah penuh. Sehubungan dengan itu, dengan penutupan pasar ini majlis akan membuat semakan semula ke atas peniaga untuk tindakan selanjutnya bagi membanteras pendatang asing terutama pendatang tanpa izin/permit.

7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANNA BINTI SAADON

7.2.1 Ucapan Tahniah

Beliau mengucapkan tahniah kepada barisan hadapan yang sama-sama menangani kes penularan wabak covid-19. Tidak lupa kepada Jabatan Perancangan Pembangunan yang menggerakkan PJ City Food Bank untuk membantu masyarakat PJ melalui waktu sukar dengan menyalurkan bantuan di zon Ahli Majlis. Akan tetapi beliau ada menegur melalui emael di mana sejumlah 7 orang penerima sumbangan bukan di dalam zon pemantauan beliau. Sehubungan dengan itu beliau mencadangkan agar jabatan merujuk kepada Ahli Majlis kawasan berhubung senarai nama bagi pengesahan penerimaan agar tidak berlaku pertindihan bantuan dan sebagainya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada rakan Ahli Majlis yang sama-sama menyalurkan bantuan demi membantu rakyat yang terkesan dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan bagi menyekat penularan wabak Covid-19.

7.2.2 Pasar Jalan Othman

Beliau pernah membangkitkan isu warga asing yang terdiri daripada warga Bangladesh dan Nepal yang berniaga di pasar dengan menyewa tapak perniagaan daripada warganegara tempatan sehingga RM1,000-RM2,000 sebulan sehingga mendapat jolokan pasar bangla. Inilah masanya untuk majlis membersihkan peniaga-peniaga asing dan menawarkan ruang penjaja kepada warganegara kita yang benar-benar ingin berniaga sendiri.

YBhg. Datuk Pengerusi berharap agar Ahli Majlis menyokong penuh usaha majlis untuk membersihkan peniaga dikalangan warga asing dan beharap agar Ahli Majlis tidak menyokong borang permohonan peniaga yang tidak berniaga sebaliknya menyewakan tapak kepada warga asing.

UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

Beliau membangkitkan, MBPJ telah banyak membantu Kerajaan Persekutuan sepanjang tempoh PKP. Beliau mengemukakan pertanyaan adakah Majlis dilantik secara rasmi melalui akta yang berkaitan. Dikhuatiri akan timbul masalah apabila ada pertikaian pada akan datang.

YBhg. Datuk Bandar memaklumkan bahawa buat masa sekarang majlis tidak diberi sebarang kuasa dan hanya membantu agensi-agensi yang diberi kuasa seperti Polis dan Kementerian Kesihatan. Majlis tidak mengeluarkan apa-apa saman dan kompaun sepanjang tempoh PKP kerana faham akta induk PKP yang telah diwartakan. Tindakan hanya dikeluarkan oleh pihak PDRM dan KKM, majlis hanya membantu dari segi tindakan sahaja.

7.4 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK**7.4.1 Isu Ketidak patuhan PKP**

Mengulas taklimat oleh Encik Mohd Fauzi bin Maarop, beliau memaklumkan kawasan pemantauan beliau iaitu PJS merupakan salah satu kawasan `hot spot` ketidak patuhan kepada arahan PKP dikalangan peniaga terutama peniaga Acheh. Beliau memaklumkan bahawa walaupun pintu hadapan telah ditutup akan tetapi perniagaan masih dijalankan melalui pintu belakang. Premis pula adalah rumah kediaman yang menyebabkan tempat perkumpulan ramai serta tidak mempunyai lesen.

7.4.2 Sumbangan Covid-19

Beliau memaklumkan bahawa ADUN YB. Puan Marina Chin Abdullah telah menyumbang barang keperluan sebanyak 6545 untuk keluarga yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan. YB. ADUN turut menggunakan Dewan Seksyen 4 untuk menyimpan barangan hasil sumbangan orang awam untuk diagihkan dan mengakui bahawa hasil sumbangan orang awam adalah banyak dan sentiasa ada untuk diagihkan. Sumbangan adalah melebihi setengah juta ringgit.

SULIT

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa di Petaling Jaya tiada masalah kekurangan barang keperluan memandangkan terlalu ramai yang memberi sumbangan. Cuma yang timbul adalah masalah komunikasi atau terdapat orang awam yang tidak memberi maklumat tepat untuk disalurkan bantuan.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.44 pagi. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa sepanjang tempoh PKP Pengarah Jabatan Penguatkuasaan sentiasa ada di pejabat walaupun waktu cuti hujung minggu dan kelepasan am. Begitu juga dengan beliau dan Timbalan Datuk Bandar dan sesetengah Pengarah Jabatan yang datang ke bilik operasi PKP sepanjang tempoh PKP. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Ketua Jabatan di atas kerjasama yang diberikan. Sepanjang tempoh PKP, majlis menjalankan mesyuarat secara berkala atau arahan melalui telefon dan selebihnya Encik Mohd Fauzi bin Maarop akan koordinat tugas secara berkala.

Tempoh PKPB yang bermula 4 Mei 2020 membolehkan kehadiran wargakerja MBPJ secara fizikal di pejabat secara penggiliran bagi mematuhi penjarakan sosial. Akan tetapi bekerja dari rumah dengan menggunakan perkhidmatan secara online adalah digalakkan. MBPJ juga akan meningkatkan kemudahan perkhidmatan di atas talian bagi memudahkan orang awam berurusan secara atas talian.

Akhir sekali YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih diatas kehadiran ahli mesyuarat dan mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa yang ke 15 hari.



(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),
Setiausaha,
Majlis Bandaraya-Petaling Jaya.

Bertarikh : 9 Mei 2020.

10/14

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

01. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S., Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T., Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng, Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah, Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Zamri bin Mohamad, Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K., Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K., Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Ong Swee Long, Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Derek John Fernandez, P.J.K., Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel, Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang, Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon, Ahli Majlis, MBPJ
13. Encik Sugumaran a/l R Annamalai, Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Anwar bin Nekhan, Ahli Majlis, MBPJ.

SULIT

15. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Loyis Anak Uding,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Farhan Haziq bin Mohamed
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Sakinah Bibi Nagoor,
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
03. Tuan Ir. Haji Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

12/14



SULIT

04. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
05. Encik Zainal Abidin bin Rahim.,
Wakil Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
06. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
07. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.
08. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
09. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
10. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
11. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
12. Encik Mohd Khairulfaiz bin Hairuddin,,
Wakil Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
13. Puan Tee Tzu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT

03. Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

14/14



SULIT